

21/12/2011

### **Wanita Uganda dihukum gantung sampai mati**

GEORGETOWN: Seorang ahli perniagaan wanita dari Uganda dijatuhi hukuman gantung sampai mati oleh Mahkamah Tinggi Pulau Pinang, semalam selepas didapati bersalah menyeludup dan mengedar 2,329 gram dadah jenis methamphetamine, 9 September tahun lalu.

Pesuruhjaya Kehakiman, Mohd Amin Firdaus Abdullah menjatuhkan hukuman itu terhadap Nabweteme Hadija, 56, selepas pihak pembelaan gagal menimbulkan sebarang keraguan berhubung pemilikan beg pakaian mengandungi dadah berkenaan.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu di Balai Ketibaan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP), kira-kira jam 11 malam, 9 September 2010 dan pendakwaan dibuat mengikut Seksyen 39(B) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang memperuntukkan hukuman mati mandatori jika sabit kesalahan.

Nabweteme yang bertudung putih dan memakai jubah berwarna hitam kelihatan tenang ketika Mohd Amin membacakan penghakimannya dalam prosiding, semalam.

Mohd Amin berkata, tertuduh memberi alasan tidak munasabah mengenai pemilikan beg itu selain turut mendakwa tidak mengetahui apa-apa mengenai dadah disorokkan di bahagian bawahnya.

“Tidak mungkin tertuduh tidak menyedari bahagian bawah beg itu keras dan bukannya lembut seperti beg pakaian lain kerana tertuduh pasti beberapa kali pernah mengeluarkan dan memasukkan pakaiannya dalam beg itu,” katanya, semalam.